

23 OCT 1996

PM-Langkawi

PM RASMI TARIKAN PELANCONGAN TERBARU DI LANGKAWI

LANGKAWI, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini merasmikan serentak Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan dua tarikan pelancongan terbaru di pulau percutian bebas cukai ini dalam satu upacara penuh warna-warni.

Dua tarikan pelancong itu ialah Dataran Lang yang berharga RM14 juta dan Lanskap Lagenda Langkawi Dalam Taman yang dibina dengan kos RM30 juta.

Upacara itu yang disiarkan secara langsung oleh RTM diserikan dengan pertunjukan bunga api selama hampir 45 minit dan pancaran laser yang menggambarkan seekor burung helang terbang menuju ke kompleks LADA.

Sebelum itu, Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dipersembahkan dengan tayangan multimedia selama setengah jam mengenai Langkawi.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid dan isteri Inangda Mayan Keumala, penasihat ekonomi kepada kerajaan Tun Daim Zainuddin dan Pengurus Besar LADA Datuk Halil Mutalib. Sanusi dan Daim juga adalah pengerusi bersama LADA.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata kesungguhan kerajaan pusat memajukan Langkawi tidak sekali-kali bertujuan untuk mengambil alih pulau ini.

Sebaliknya, ia adalah bukti betapa eratnya kerjasama antara kerajaan pusat dan negeri untuk memajukan sebuah tempat yang berpotensi menjadi tarikan dunia.

"Kita bukan hendak mengambil alih Langkawi tetapi hanya ingin membantu kerajaan negeri memajukannya dan kerana itulah LADA mempunyai dua pengerusi bersama.

"Oleh itu, kita berharap kerjasama erat yang dinikmati selama ini dapat berterusan kerana banyak lagi yang boleh dilakukan untuk membangunkan pulau ini," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau yakin Langkawi boleh dimajukan lagi dengan kerjasama erat dan sokongan semua pihak dengan tidak mengambil kira kepentingan sendiri.

"Saya berbangga dengan kerjasama Datuk Sanusi dan juga Tan Sri Osman (bekas Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff) untuk bersama-sama membangunkan Langkawi," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan pusat juga tidak pernah memikirkan pulangan selepas melaburkan hampir RM1,000 juta untuk membangunkan Langkawi.

"Kita hanya ingin melihat pulau ini maju dan begitu juga yang dirasakan oleh sektor swasta yang telah melaburkan hampir RM3,000 juta," kata beliau.

Terdahulu Sanusi dalam ucapannya berkata kerajaan negeri akan memberi sokongan dan kerjasama kepada kerajaan pusat untuk memastikan pembangunan di Langkawi berjalan lancar.

Katanya ini adalah sebagai membalas kesungguhan Dr Mahathir memajukan pulau ini. -- BERNAMA

ZAA AKD